

# ورتا قنرغن

## Warta Penerangan



JULAI 2019



# مفكرنكلن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan

## Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**



## DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

### DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAI Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

### DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

### DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

### DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Rekaletak  
Unit Penerbitan Melayu  
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan	Muka
Program Semarak Hari Keputeraan Tanam Ketaatsetiaan Rakyat Kepada Raja	1
Cawangan Penerangan Temburong	2
Hadiri Persidangan kerjasama ASEAN-China	3
Awasi anak kitani daripada penyalahgunaan, perangkap dadah	4
Unit Seni Grafik	4
Usaha semai semangat patriotik diteruskan	5
Program Pentarama	6
Belia ejen penyebar maklumat positif	7
Penyambut Tetamu dan Operator	8
PENTARAMA penyalur maklumat melalui hiburan	9
Perkhidmatan Pembesar Suara (PA Sistem)	10
Program Sua Muka platform bincangkan isu, cadangan	11
Program Pertukaran Pegawai Penerangan Singapura	12
Brunei - Thailand kongsi pengalaman bidang penerangan	14
Rombongan MDPMAMB dekati Jabatan Penerangan	16
Barigakan hal ehwal berkepentingan nasional	17
Bersama Rakyat	18

## Program Semarak Hari Keputeraan Tanam Ketaatsetiaan Rakyat Kepada Raja

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Hamzah Mohidin

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 3 Julai. – Jabatan Penerangan mengadakan Program Semarak Hari Keputeraan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-73 Tahun bagi 2019 sebagai usaha untuk menanamkan dan mempertingkatkan ketaatsetiaan dan kecintaan rakyat dan penduduk kepada Raja serta pemimpin negara ini. Majlis diadakan di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, ketua-ketua jabatan, timbalan ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Majlis tersebut dihadiri oleh lebih kurang 1,000 orang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari berbagai agensi kerajaan, para pensyarah, mahasiswa mahasiswi, guru-guru dan para pelajar sekolah rendah dan menengah kerajaan, agama dan swasta, persatuan-persatuan, persatuan beruniform, syarikat swasta dan penduduk-penduduk mukim dan kampung di keempat-empat daerah.



*MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud ketika menyampaikan Ucapan Khas.*

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar Ali Saifuddien, Awang Zulkifle bin Haji Murat, diikuti dengan Persembahan Hafazan dan Pemahaman dari Surah An-Nisa, ayat 57 hingga 59 oleh Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran, Johan Kategori ‘E’ Pertandingan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan 1440H/2019M manakala inti sari ayat pemahaman Al-Quran dibaca oleh Awang Mohammad Fahmi Izzuddin bin Begawan Mudim Haji Tamin.

Majlis kemudian disusuli dengan solat sunat dua rakaat dan bacaan Surah Al-Waqi’ah, bacaan Sayyidul



*MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud hadir selaku tetamu kehormat Program Semarak Hari Keputeraan.*

## *Warta Penerangan 2*

Istighfar yang diimamkan dan dikepalai oleh Pegawai Masjid Omar Ali Saifuddin, Awang Mohd. Hasnal bin Haji Mohammad dan diakhiri dengan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Awang Zulkifle bin Haji Murat.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dalam ucapannya antara lain menyentuh tentang ketaatan beraja.

Program berkenaan merupakan salah satu daripada pendekatan komunikasi bersemuka yang mampu mendekati masyarakat secara langsung untuk menyampaikan tujuan dan matlamat program dengan tepat dan jelas di samping memberikan kefahaman mengenai peranan Raja dan pemimpin yang menerajui Negara Brunei Darussalam ke arah sebuah negara Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur yang

berpaksikan kepada konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.



## Cawangan Penerangan Temburong

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**C**awangan Penerangan Daerah Temburong merupakan salah sebuah cawangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah. Cawangan ini diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin dan enam orang kakitangan. Cawangan ini mengendalikan pelbagai aktiviti dan program kenegaraan dan kemasyarakatan serta tugas lain di Cawangan Daerah Temburong.

Antara perkhidmatan yang diberikan di cawangan ini ialah mengedarkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan seperti Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan juga akhbar rasmi Kerajaan, Pelita Brunei di beberapa lokasi. Di samping menjual buku-buku terbitan



*CAWANGAN Penerangan Daerah Temburong semasa mengadakan Program Sua Muka di salah sebuah kampung di daerah tersebut suatu masa lalu.*

Jabatan Penerangan, Cawangan Temburong juga menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang mana orang ramai dialu-alukan untuk menggunakan perpustakaan Cawangan. Antara bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan ini ialah bahan-bahan terbitan Jabatan seperti koleksi Pelita Brunei, titah-titah dan sabda.

Di samping itu, ketua Cawangan Penerangan Temburong juga

dilantik selaku ahli jawatankuasa bagi Pprogram-program daerah, acara-acara perayaan dan hari-hari kebesaran Islam Daerah Temburong.

Pegawai dan kakitangan Cawangan Temburong juga bertugas selaku Pegawai Penghubung Media (MRO) jika diperlukan bagi acara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan kerabat diraja ke Daerah Temburong.

Selain itu, cawangan ini juga turut menyediakan perkhidmatan pembesar suara (*PA System*). Perkhidmatan ini diberikan untuk kegunaan acara-acara rasmi terutama yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan.

Cawangan Penerangan Temburong juga bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan yang berkepentingan dalam menangani bencana di Daerah Temburong selaku Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC).



**PENOLONG** Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin semasa hadir dalam program Rakan Remaja Penerangan di Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar.

## Hadiri Persidangan kerjasama ASEAN-China

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



**PESURUHJAYA** Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Yussof bin Haji Abd. Rahman semasa bersama delegasi negara di persidangan tersebut.

**JAKARTA**, Selasa, 23 Julai.- Seramai 4 orang perwakilan dari Negara Brunei Darussalam telah menghadiri Persidangan Peringkat Tinggi mengenai Kerjasama Media ASEAN – China yang berlangsung di Jakarta, Republik Indonesia.

Delegasi negara diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Yussof bin Haji Abd. Rahman bersama beberapa orang pegawai kanan dari Jabatan Penerangan dan Jabatan Radio Televisyen Brunei.

Persidangan yang berlangsung pada 23-24 Julai tersebut antara lain bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama media untuk membina hubungan masyarakat yang lebih dekat antara kedua-dua pihak.

Persidangan dihoskan oleh Pentadbiran Radio dan Televisyen Negara China dan misi China ke ASEAN dihadiri oleh para pegawai kanan, pakar dan wakil media dari China dan 10 anggota ASEAN.

## Awasi anak kitani daripada penyalahgunaan, perangkap dadah

Berita dan Foto: Noraisah Haji Muhammed

**S**ERIA, Selasa, 9 Julai. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Belait dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sendiri Berhad meneruskan Program Awasi Anak Kitani (AAK) bagi Mukim Seria yang diadakan di Dewan Jabatan Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Penghulu Mukim Seria/Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim.

Penolong Pegawai Penerangan yang juga Ketua Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku pengerusi majlis dalam ucapannya antara lain menyentuh mengenai penyalahgunaan dadah yang merupakan salah satu punca besar yang mengundang pelbagai isu jenayah dan gejala sosial yang tidak bermoral disebabkan ketergantungan penagih terhadap dadah yang mengkhayalkan.

Program turut diisikan dengan taklimat dari berbagai agensi seperti BKN (Pendidikan dan Pencegahan Dadah), JKDN dan Syarikat ITPSS Sendirian Berhad.

Selain mendengarkan taklimat, program juga diisikan dengan pameran mengenai mobile apps Jabatan Penerangan dan jualan buku terbitan Jabatan Penerangan, Pameran dari BKN dan JKDN.



PEMANGKU Penghulu Mukim Seria/Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani anjuran Jabatan Penerangan.

Program Awasi Anak Kitani merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang untuk diadakan di mukim-mukim seluruh negara secara berterusan di keempat-empat daerah bagi memberi kefahaman kepada masyarakat melalui sesi taklimat dan pameran, terutamanya kepada para ibu bapa atau penjaga selain untuk meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan juga perangkap dadah dan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dalam negara.

## Unit Seni Grafik

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**U**nit Seni Grafik merupakan salah satu unit yang terletak di Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik Jabatan Penerangan.

Unit ini antara lain berperanan mereka letak buku-buku terbitan Melayu, Inggeris 1 dan Inggeris 2.

Penerbitan Melayu seperti Himpunan Titah; Himpunan Sabda; Kompilasi Sabda Anakanda; Haluan; Brunei Darussalam Negaraku; Lawatan Negara; Tetamu Negara; Khutbah Jumaat; Kompilasi Rencana Kenali Negara Kitani; Sejarah Kampung di

Mukim; Wawasan Brunei 2035; Pencapaian Brunei Tahunan; Warta Penerangan (12 keluaran); Buku berkala (tertakluk pada permintaan)

Manakala unit ini juga mereka letak bahan-bahan terbitan Penerbitan Inggeris 1 seperti: Akhbar Brunei *Darussalam Newsletter*; Majalah *Brunei Today*; Buku *Brunei in Seconds*; Buku *Social Customs and Courtesies of Brunei Darussalam*.

Selain itu unit ini juga mereka letak bahan-bahan terbitan Penerbitan Inggeris 2 seperti *Brunei*

*Darussalam Annual Report; Brunei in Brief; Traditional Handicrafts of Brunei Darussalam; Brunei Darussalam Newsletter.* Disamping itu unit ini juga berperanan mengeluarkan setiap tahun Kalendar Jabatan Penerangan. (dinding, meja dan *planner*) selain membuat projek dalam jabatan seperti pembuatan cendera hati; pas; sijil; kain rentang dan *LED screen*.

Unit ini juga berperanan dalam mereka poster-poster acara-acara seperti Poster Hari Kebangsaan (Menaikkan bendera dan Induk); Poster Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Semarak menaikan bendera, induk, acara ramah mesra Hari Keputeraan dan poster majlis sembahyang fardu magrib dan isyak); Poster Regatta; Poster Majlis Ilmu (induk dan seminar); Poster Hari Keluarga Kebangsaan; Poster Perarakan Maulud Nabi; Poster Menteri-Menteri Kabinet;



*PEGAWAI dan kakitangan Unit Seni Grafik semasa melakukan pecambahan fikiran sebelum menghasilkan sesuatu terbitan.*

Poster Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Poster Majlis Tadarus dan Khatam Al-quran bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan jabatan di bawahnya; Poster dalam jabatan; Poster luar jabatan.

Unit ini dianggoti oleh tiga orang

pegawai terdiri daripada Pereka Tingkat II (Ketua Unit), Awang Khairul Shaharim bin Haji Abdul Ghafor, Pereka Tingkat III, Awang Amdelah bin Haji Tujoh dan Awang Hairun Nadhir bin Ismail sebagai Pembantu Pelukis.

## Usaha semai semangat patriotik diteruskan

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah/Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



*SALAH seorang kakitangan dari Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan ketika menguji minda salah seorang pelajar Sekolah St. George dalam sudut kuiz.*

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di dua buah sekolah secara berasingan pada bulan Julai ini.

Taklimat tersebut dihadiri oleh hampir 200 pelajar tahun 7 dari kedua-dua buah sekolah berkenan.

Taklimat pertama telah diadakan pada 10 Julai di Pusat Numerasi dan Literasi (Numeracy Literacy Centre - NLC),

## Warta Penerangan 6

Sekolah Menengah Rimba II dan diikuti pada 31 Julai di dewan Sekolah St. George di ibu negara.

Kedua-dua program tersebut telah disikan dengan Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrin.

Awang Mohd. Nurakram dalam taklimatnya memfokuskan mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Allah Peliharakan Sultan dengan terperinci.

Program tersebut turut menayangkan klip video Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara, Semarak Pengibaran Bendera Negara dan Video Animasi Tatacara



*PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Nurakram bin Noraini @ Bahrin ketika menyampaikan taklimat semasa Program Taklimat Kenegaraan Sekolah Menengah Rimba II.*

Menaikkan Bendera Negara terhadap Raja, agama, bangsa selain para penuntut berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta

terhadap Raja, agama, bangsa dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

## Program Pentarama

Teks: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan



*PROGRAM Pentarama sering diadakan apabila tibanya Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.*

**P**rogram Pentarama merupakan salah satu program yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan sejak tahun 1988.

Pentarama atau singkatan kepada pentas drama adalah merupakan satu wadah Jabatan Penerangan untuk

menyampaikan mesej atau maklumat kerajaan kepada orang ramai di samping mendidik dan meningkatkan kesedaran minda masyarakat melalui pendekatan ini yang berorientasikan maklumat pendidikan dan hiburan dalam usaha untuk memperkasakan kesedaran berbangsa, beragama, dan bernegara.

Selain itu ia juga menjadi satu kaedah dalam meningkatkan semangat patriotisme dan nasionalisme melalui mesej dan maklumat yang disampaikan.

Program Pentarama tersebut sering diadakan apabila tibanya Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ianya diadakan di keempat-empat daerah di negara ini.

Pentarama menampilkan pelakon sketsa drama yang terdiri daripada warga Jabatan Penerangan, selain turut dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian daripada artis-artis undangan tempatan selain persembahan lawak jenaka.

Matlamat Pentarama ialah untuk menyampaikan perutusan dan isu-



*PENTARAMA* atau singkatan kepada *Pentas Drama* adalah merupakan satu wadah Jabatan Penerangan untuk menyampaikan mesej atau maklumat kerajaan kepada orang ramai.

isu semasa kerajaan di samping dan bernegara serta untuk lebih menghimbau orang ramai untuk komited dalam sama-sama menanamkan sikap dan nilai-nilai bertanggungjawab membangun positif dan berbangsa, beragama negara.

## Belia ejen penyebar maklumat positif

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Azmah Haji Ahad



*PENOLONG* Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrin semasa menyampaikan taklimat di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Julai. – Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRI PAD) bertempat di Dewan Serbaguna sekolah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Ketua Unit Kurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Ayup bin Haji Ghani.

Program turut dihadiri oleh Pengetua Sekolah berkenaan Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd Tahir, timbalan-timbalan pengetua, tenaga pengajar serta 182 pelajar tahun 10.

## *Warta Penerangan 8*

Semasa program tersebut para pelajar turut mendengarkan Taklimat Kenegaraan bertajuk Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrain.

Program turut diisikan tayangan Klip Video, Semarak Pengibaran Bendera Negara diikuti persembahan drama dari SUAMRIPAD serta persembahan nyanyian solo dari Jabatan Penerangan dan persembahan lawak jenaka diikuti dengan Kuiz Kenegaraan.

Antara tujuan Program RRP ini adalah untuk menyebarkan maklumat dan kegiatan semasa di samping mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling selain untuk menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan remaja serta menjadikan mereka sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.



*KETUA Unit Ko-Kurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Ayup bin Haji Ghani hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut.*

Dalam masa yang sama ia juga merupakan kesempatan untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin.

## Penyambut Tetamu dan Operator

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**Jawatan** Penyambut Tetamu dan Operator di Jabatan Penerangan termasuk di dalam Unit Pentadbiran, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Seramai lima orang kakitangan bertugas sebagai Penyambut Tetamu dan Operator di jabatan ini. Sebagai Penyambut Tetamu dan Operator, tugas mereka adalah sebagai *Frontliner* (kakitangan di 'barisan hadapan') jabatan ini iaitu menerima panggilan telefon atau penyambut tetamu.

Sebagai Penyambut Tetamu, mereka menyambut/melayan tetamu yang berurusan dengan jabatan. Selain itu, tugas lain juga ialah menerima surat-menyurat.

Manakala tugas Operator adalah sebagai penghubung panggilan telefon dari luar dan dalam kementerian/jabatan. Menerima panggilan telefon/membuat panggilan bagi urusan pejabat dan menyampaikan pesanan. Dan juga mencatat setiap panggilan yang diterima dan setiap panggilan yang keluar, jika diperlukan.



*PENYAMBU TETAMU dan Operator Jabatan Penerangan ketika melakukan tugas harian mereka.*

Selain daripada menjadi Operator Telefon dan Penyambut Tetamu, mereka juga dikehendaki membantu kerja-kerja di pejabat, jika diperlukan.

## PENTARAMA penyalur maklumat melalui hiburan

Teks: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Hernie Suliana Haji Othman/Muhammad Asri Haji Awang Abas/ Muhammad Akmal Haji Ali

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Julai. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan menganjurkan Persembahan PENTARAMA Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73 Tahun bagi tahun 2019 di Pentas Perayaan di keempat-empat daerah.

Di Daerah Brunei dan Muara, ia diadakan di kawasan letak kereta berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja pada 17 Julai 2019, diikuti 20 Julai 2019 di Pentas Perayaan, Kawasan Gerai Tudung Saji, Daerah Brunei Muara:



Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim hadir selaku tetamu kehormat persembahan PENTARAMA.



SALAH satu babak lakonan drama pentas bertajuk 'Mendambakan Maghfirah Mu' yang dilakonan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



ORANG ramai semasa menyaksikan persembahan PENTARAMA pada malam tersebut.

Belait, 21 Julai 2019 di Pentas Perayaan Malam, Kawasan Lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong dan di Daerah Temburong pada 27 Julai 2019 di Pentas Perayaan, Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

PENTARAMA bertujuan untuk menyalurkan mesej pendidikan, kenegaraan dan keagamaan kepada masyarakat melalui hiburan, dalam menyuntik moral yang positif bagi menyokong dan mengalakkan orang awam ke arah meningkatkan semangat patriotik, bernegara, bermasyarakat dan berkerajaan.

**Kuala Beliat:**



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin (tengah) juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Kuala Belait hadir selaku tetamu kehormat pada pentas PENTARAMA tersebut.



SEBAHAGIAN orang ramai yang hadir dan sama-sama memeriahkan acara PENTARAMA berkenaan.



PERSEMBAHAN drama pentas bertajuk 'Mendambakan Maghfirah Mu' antara penyeri pentas perayaan.

**Tutong:**



*TETAMU* kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit (empat, kiri) selaku Penghulu Mukim Telisai semasa hadir pada acara PENTARAMA tersebut.

**Temburong:**



*AHLI* Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada malam itu. Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman (kiri sekali); dan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim (tiga, kiri).



*BARISAN* artis yang memeriahkan pentas perayaan pada acara PENTARAMA di Daerah Tutong.



*SALAH* satu puak di Daerah Temburong turut mengambil bahagian dalam mempersembahkan tarian mereka.



*ORANG* ramai semasa hadir bagi menyaksikan persembahan PENTARAMA malam itu.



*PERSEMBAHAN* lawak jenaka turut mencerikan persembahan PENTARAMA malam tersebut.

## Perkhidmatan Pembesar Suara (PA Sistem)

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**P**erkhidmatan Pembesar Suara (*PA System*) merupakan salah satu perkhidmatan yang terkandung dibawah Unit Sokongan, Jabatan Penerangan.

Perkhidmatan ini memberikan perkhidmatannya kepada agensi-agensi kerajaan dalam acara-acara rasmi kenegaraan selain memberikan perkhidmatannya kepada Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO's) yang memohon bagi

mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Unit ini juga mengawas memantau peralatan pembesar suara yang terdapat dalam dewan dan surau Jabatan Penerangan di samping memberikan bantuan kepada cawangan di daerah-daerah serta mengendalikan pembesar suara bagi program dan aktiviti dalam jabatan.

Pada masa ini perkhidmatan pembesar suara ini diawasi oleh Teknisyen Filem, Awang Abu Bakar

bin Haji Duraman.

Dalam mendukung dasar mempelbagaikan sumber ekonomi negara dalam usaha memantapkan tadbir urus fiskal jabatan juga telah membuat perancangan mengenai perkhidmatan pembesar suara ini iaitu untuk menyewakan kepada pemohon-pemohon mengikut kategori secara pakej.

Sebarang permohonan untuk menggunakan perkhidmatan ini bolehlah menghantar e-mel ke [pr@information.gov.bn](mailto:pr@information.gov.bn)



AWANG Abu Bakar bin Haji Duraman semasa memunggah barang-barang peralatan pembesar suara sebelum memberikan perkhidmatan.

## Program Sua Muka platform bincangkan isu, cadangan

Teks: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TEMBURONG**, Selasa 23 Julai. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong meneruskan Program Sua Muka (*Personal Contact*) dengan berkunjung ke Kampung Puni dan Ujong Jalan, Mukim Bangar.

Rombongan Jabatan Penerangan tersebut diketuai oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya, selaku Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Program yang berlangsung di Balai Raya Kampung Puni itu turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok; Rombongan Program Pertukaran Pegawai

Penerangan Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam; Biro Wanita Kampung Puni dan Ujong Jalan; Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Puni dan Ujong Jalan; Pengawasan Kejiranan juga penduduk Kampung Puni dan Ujong Jalan.

Program Sua Muka turut mengongsikan aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan, iaitu 'InfoDeptBN' juga tatacara untuk memuat turun aplikasi berkenaan melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS di mana menerusi aplikasi mudah alih tersebut para pengguna boleh mengakses dan memperoleh beberapa maklumat seperti *e-paper* Pelita Brunei, penerbitan, waktu sembahyang, iklan jawatan kosong dan banyak lagi. Program Sua Muka merupakan platform bagi mendapatkan isu-isu, pendapat dan cadangan yang



PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya, selaku Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan bersama Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok dan Penghulu Mukim Bangar, Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin, juga selaku Pemangku Ketua Kampung Puni dan Ujong Jalan hadir dalam program tersebut.

## *Warta Penerangan 12*

perlu diambil perhatian juga tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan selain sebagai medan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan.

Dalam masa yang sama ia juga untuk membarigakan dan mempromosikan perkembangan serta kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat juga produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) untuk disiarkan dalam *Pelita Brunei*.



*PARA penduduk Kampung Puni dan Ujung Jalan, Mukim Bangar semasa hadir dalam Program Sua Muka tersebut.*



*ROMBONGAN Program Pertukaran Pegawai Penerangan Republik Singapura ketika turut hadir dalam Program Sua Muka tersebut.*

## Program Pertukaran Pegawai Penerangan Singapura

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Hamzah Mohidin/Muhammad Asri Haji Awang Abas/Md. Akmal Haji Ali

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Julai. - Seramai lima orang pegawai dari Republik Singapura telah berada di negara ini bagi mengikuti Program Pertukaran Pegawai Penerangan (*Information Officers' Exchange Program - IOEP*) selama empat hari di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Program pertukaran tersebut merupakan salah satu projek yang dipersetujui semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah MoU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan



*ROMBONGAN ketika menyaksikan salah satu usaha IKIP MPK Rataie yang dihasilkan oleh Biro-biro Wanitanya yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal dan suri rumah tangga.*



*ROMBONGAN semasa melawat Jabatan Penerangan dan seterusnya mendengarkan taklimat.*

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerajaan Republik Singapura dalam Bidang Penerangan.

Delegasi yang diketuai oleh Timbalan Pengarah (*Community Outreach*), Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura, Puan Nazrana binti Zainuddin.

Sepanjang berada di negara ini, rombongan tersebut telah berpeluang untuk menyertai beberapa program yang telah diaturkan seperti Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong, menyertai Program Sua Muka Bersama Penghulu Mukim Bangar selain mengikuti beberapa siri lawatan dan taklimat dari beberapa agensi kerajaan.

Program tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan dan bertukar-tukar pendapat juga percambahan fikiran, selain mendapatkan maklumat dan berkongsi pengetahuan melalui pengalaman.



*ROMBONGAN semasa turut menghadiri Program Sua Muka Kampung Puni dan Ujong Jalan.*



*Rombongan Program Pertukaran Pegawai Penerangan dari Republik Singapura semasa membuat lawatan ke Kampung Sibut.*

## Brunei - Thailand kongsi pengalaman bidang penerangan

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd.Zul-Izzi Haji Duraman, Ak. Syiaruddin Pg. Daudin, Md. Akmal Haji Ali

**B**ERAKAS, Khamis, 25 Julai. - Seramai tiga orang pegawai daripada Jabatan Perhubungan Awam (*Public Relations Department - PRD*) Thailand kini berada di negara ini selama empat hari bagi mengikuti Program Pertukaran Pegawai Penerangan.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Profesional Perhubungan Awam (*Senior Professional Public Relation Officer*) bakal mengikuti pelbagai program yang telah dirancang termasuk lawatan ke agensi-agensi kerajaan dan swasta serta beberapa tempat menarik.



*ROMBONGAN* daripada Jabatan Perhubungan Awam (*Public Relations Department - PRD*) Thailand semasa tiba di negara ini pada 25 Julai lalu.




*LAWATAN* ke Ghanim International Corporation Sendirian Berhad.

Program seumpamanya bertujuan bagi memberi pendedahan serta peluang untuk bertukar-tukar pendapat dan percambahan fikiran selain mendapatkan maklumat dan berkongsi pengetahuan melalui pengalaman.

yang telah dipersetujui pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand dalam Bidang Penerangan.

Program pertukaran ini juga merupakan antara projek

**ROMBONGAN** semasa dibawa melawat ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer.



**LAWATAN** ke Ghanim International Corporation Sendirian Berhad.

**PEGAWAI** Penerangan dan Media dari Jabatan Perhubungan Awam (PRD) Thailand ketika menerima cenderahati semasa lawatan ke Knowledge Hub Centre (KHub).



## Rombongan MDPMAMB dekati Jabatan Penerangan

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



*PARA guru, pegawai dan kakitangan dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah bergambar ramai semasa lawatan ke Jabatan Penerangan.*

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Julai. - Seramai 31 guru, pegawai dan kakitangan dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) Gadong mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan di Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Lawatan tersebut bertujuan untuk memberikan pengetahuan mengenai peranan, fungsi dan mekanisme Jabatan Penerangan dalam membarigakan maklumat dan mengetahui impak informasi sosial dan media pada masa ini.

Rombongan diketuai oleh Guru Kanan, Bahagian Perkembangan Profesionalisme Keguruan (TPD)

Maktab Duli, Dayang Faridah binti Abdul Hamid.

Semasa lawatan, rombongan telah diberikan taklimat yang disampaikan Pegawai Penerangan, Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizi bin Haji Ramlli/Haji Ramli bertempat di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Pada kesempatan tersebut rombongan turut dibawa melawat ke beberapa unit di Jabatan Penerangan seperti Unit Fotografi; Bahagian Pelita Brunei; Pusat Rujukan Penerangan; dan Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik sekaligus mengakhiri lawatan berkenaan.



*SALAH seorang pegawai Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik semasa menerangkan mengenai bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan..*

## Barigakan hal ehwal berkepentingan nasional

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said



*PEMANGKU* Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Hamsah bin Datu Kerna Haji Jaya, yang juga Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan semasa menyampaikan taklimat.

**GADONG**, Sabtu, 27 Julai. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, meneruskan lagi siri Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera Negara dan Bahan-bahan yang mempunyai Kepentingan Nasional Sesi Kelima yang diadakan di Lantai Tingkat Bawah, The Mall, Abdul Razak Complex.

Program tersebut merupakan salah satu usaha untuk membarigakan dan meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan 'banner', bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara.



*SEBAHAGIAN* pengurus dan penyelia syarikat semasa hadir dalam program berkenaan.

Program jerayawara yang diadakan sebanyak dua sesi iaitu pagi dan petang tersebut menyasarkan kepada lebih 100 pengurus-pengurus dan penyelia-penyelia syarikat terpilih, termasuk pengusaha kecil di kawasan perniagaan Gadong.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, yang juga Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, yang menyentuh mengenai kesalahan-kesalahan terhadap

penggunaan dan tatacara betul dalam penggunaan *banner*, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Turut hadir pada jerayawara berkenaan, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini berserta pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Bandaran.



## Bersama Rakyat

Foto: Jabatan Penerangan



**B**ANDAR SERI BEGAWAN. Ahad 28 Julai.- Pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan tidak ketinggalan untuk turut sama memeriahkan Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73 Tahun bagi Tahun 2019 di Daerah

Brunei dan Muara (DBM) yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Kehadiran para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan jelas menunjukkan rasa kasih sayang rakyat kepada raja yang disayang dengan taat dan setia yang tidak berbelah bahagi.



# جوانن بوک و تربیتن جابتن قنرغن

**DAPATKAN SEKARANG!**

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

### Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

### HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00



### HIMPUNAN SABDA

Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00

### HALUAN



Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50
2017	\$8.50



### BRUNEI TODAY

Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50



### KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016

Harga  
**\$3.50**



### BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2015 - 2016

Harga  
**\$11.50**



### BRUNEI-MUARA DISTRICT

Harga  
**\$4.00**



### BELAIT DISTRICT

Harga  
**\$3.50**

### TUTONG DISTRICT

### TEMBURONG DISTRICT

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,  
BANGAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

### CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
DAERAH TUTONG, TA1314,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

### CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN  
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,  
KB4333, DAERAH BELAIT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**